




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 498 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 46,360 kes. Tiada kematian direkodkan hari ini.
- 2 Pada hari ini, seramai 434 pesakit COVID-19 telah discaj / sembah dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembah 42,013 orang. Sejumlah 2,783 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 856 orang di hospital, 1,908 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 19 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 87 orang dan 18 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Tenom bertukar daripada zon merah ke zon jingga.

- 4 Pada hari ini, **satu (1) kluster** baharu dilaporkan:
- i. **Kluster Kampung Bombalai di Kalabakan** melibatkan dua (2) kes baharu dikesan daripada saringan kontak rapat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 16 kes. Kes indeks merupakan pelajar Tahfiz Madrasah Sulaimaniyah di Bombalai yang disahkan positif pada 16 Januari 2021 melalui saringan bergejala. Susulan penemuan itu, saringan turut diadakan terhadap pelajar dan tenaga pengajar madrasah tersebut. Saringan kontak rapat dan pengesanan punca jangkitan masih dijalankan.
- 5 Daripada 498 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 332 kes (66.7%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 68 kes (13.7%), saringan kluster baharu dan sedia ada 29 kes (5.8%), saringan PERKESO lima (5) kes (1.0%), saringan pelajar masuk asrama 11 kes (2.2%), saringan komuniti 17 kes (3.4%) dan 36 kes (7.2%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,100 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 4,580 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara pula kekal 1,100 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 6,780 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 41.05%.

C BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sehingga hari ini, sebanyak **321,355** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasar.

- D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS***
- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 63 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 36,692 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 665 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan dibuat namun, 35 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 55 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 26 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 10 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 11 premis, di lapan (8) buah daerah iaitu Sook, Kinabatangan, Tambunan, Semporna, Kota Kinabalu, Kunak, Sandakan dan Kudat.

- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 113 lokasi di 13 daerah dengan hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Dusun, Bahasa Bajau dan Bahasa Iranun.

E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **92.85%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	94%
2	Ranau	94%
3	Kota Belud	94%
4	Tenom	94%
5	Kudat	94%
6	Kunak	93%
7	Beluran	93%
8	Kota Marudu	93%
9	Tuaran	93%
10	Kinabatangan	93%
11	Beaufort	93%
12	Papar	93%
13	Tawau	92%
14	Keningau	92%
15	Sandakan	92%
16	Semporna	92%
17	Kota Kinabalu	92%
18	Penampang	92%
19	Lahad Datu	92%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.
- 3 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, duduklah di rumah jika tiada urusan penting dan bersama-sama kita membendung penularan jangkitan wabak COVID-19.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**
23 Januari 2021